

28 FEB 1996

Mahathir - Duahala

PEMIMPIN EROPAH INGIN PERBINCANGAN DUA HALA DENGAN MAHATHIR

Bangkok, 29 Feb (Bernama) -- Canselor Helmut Kohl dari Germany dan dua lagi pemimpin Eropah telah memohon untuk mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa para pemimpin Asia dan Eropah bersemuka pada Sidang Kemuncak Asia-Eropah (Asem) yang bermula Jumaat ini.

Pertemuan dengan Kohl dijadualkan pada malam esok, sejeurus selepas ketibaan Perdana Menteri untuk menghadiri sidang kemuncak dua hari itu, kata Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar kepada wartawan Malaysia di sini malam tadi.

Dr Mahathir juga dijangka mengadakan pertemuan dengan Canselor Austria Dr Franz Vranitzky dan Perdana Menteri Ireland John Bruton, kedua-dua pada Sabtu.

Selain pemimpin-pemimpin Eropah itu, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong juga ingin berbincang dengan Dr Mahathir, kata Ahmad Kamil. Perjumpaan itu juga dijadualkan pada Sabtu.

Asem akan dihadiri pemimpin 10 negara Asia dan 15 anggota Kesatuan Eropah (EU).

Negara-negara Asia itu ialah ketujuh-tujuh anggota Asean, China, Jepun dan Korea Selatan tetapi empat daripada ketua kerajaan Eropah -- Sweden, Sepanyol, Denmark dan Greece -- tidak dapat menghadiri sidang kemuncak itu kerana urusan domestik masing-masing.

Sidang kemuncak bersejarah itu bertujuan mengeratkan hubungan antara kedua-dua rantau dalam bidang politik, ekonomi dan kebudayaan, kata Ahmad Kamil.

Ahmad Kamil juga berkata beliau akan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Thailand, Thep Devakula untuk membincangkan isu pembinaan tembok di sempadan bersama di Perlis. -- Bernama.

AZZ AHH